

# Malaysia - Thai akan lancar operasi besar

BANGKOK, Sabtu — Malaysia dan Negeri Thai akan melancarkan gerakan bersama melewati sempadan bagi menentang Parti Komunis Malaya (PKM) jika penganas-penganas yang bergerak di sepanjang sempadan bersama itu tidak segera menyerah diri, harian berbahasa Inggeris, demikian The Bangkok Post, melaporkan.

Akhbar itu menyebut Panglima Wilayah Keempat Tentera, Lt. Jen. Wanchai chitchamsong sebagai berkata bahawa beliau telah pun membincangkan butir-butir gerakan tersebut dengan Panglima Briged Kedua Malaysia Jeneral Datuk Hashim.

Jeneral Wanchai berkata, komunis akan diberi tempoh tiga atau empat bulan untuk membuat keputusan tentang masa depan mereka selepas itu tekanan ekonomi dan tentera akan ditingkatkan di kawasan sempadan.

Jika ia dilancarkan, satu kempen menyeberang sempadan yang melibatkan pasukan tentera Thai dan Malaysia akan melakukan satu pertuka-

ran strategi bagi Pasukan Wilayah Keempat di bawah perintah Jeneral Harn Lenanond dalam gerakan penentang penganas di mana pasukan dari satu negara dibenarkan menyeberang sempadan ketika memburu penganas.

Satu kempen empat hari yang telah dilancarkan oleh Negeri Thai menentang sakhibaki Regimen ke-12 PKM di Wilayah Betong semalam berhasil menawan sebuah khemah PKM, di tenggara bandar Betong.

Laporan dari Betong menyatakan bahawa khemah itu dilindungi dengan ketat oleh jerangkap samar dan Pasukan Thai menjumpai sebuah dewan latihan, dewan makan, kubu bawah tanah dan padang latihan di dalamnya.

Timbalan Panglima Petugas Bersama Thai-Malaysia Kol. Kittl Ratanachaya berkata, pasukan peninjau telah menyerbu khemah itu setelah ia dibedil dengan meriam katak.

Jeneral Wanchai memberitahu akhbar itu bahawa beliau telah mengulangi tawarannya kepada anggota PKM yang hendak menyerah diri.

Beliau berkata, di samping gerakan tentera, Pasukan Tentera Kempat juga akan bergerak untuk menghalang penganas mendapatkan sebarang bantuan ekonomi dengan menggepung semua jalan ke Daerah Betong.

"Semua barang yang berpotensi boleh dijadikan strategi kepada PKM akan di haramkan," katanya.

Jen. Wanchai berkata, Malaysia telah bersetuju supaya ibu pejabat gerakan menyeberang sempadan itu diadakan sama di seberang sempadan Malaysia-Thai asalkan saja ia tidak di kawasan yang mempunyai penduduk. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia